

Tiga kali sebulan dilanda banjir kilat

100 rumah di Bandar Baru Kundang terjejas teruk, penduduk rayu laluan air dibina segera

■ NORAFIZA JAAFAR

KUANG - Insiden banjir kilat yang berlaku buat kali ketiga sejak awal November di Bandar Baru Kundang kelmarin menyebabkan sekurang-kurangnya seratus rumah penduduk terjejas apabila air naik sehingga paras lutut.

Hujan berterusan dari jam 1 tengah hari membawa ke petang menyebabkan limpahan Sungai Kundang dan Kuang serta longkang monsun dari Bandar Tasik Puteri melimpah memasuki kawasan rendah itu.

Air hanya surut sekitar jam 10 malam kelmarin.

Seorang pemandu teksi, A Suresh, 35, berkata, dia berada di Kuala Lumpur ketika dimaklumkan jiran air mulai naik kira-kira jam 4 petang.


"Bila sampai rumah jam 6 petang, air dah sampai paras lutut dan saya alihkan kereta dulu untuk elak rosak.

"Nasib baik enjin boleh dihidupkan lagi. Tahun lepas berhabis sampai RM4,000 untuk baiki kereta sebab masuk air akibat banjir kilat," katanya.

Tinggal kunci rumah kepada jiran

Seorang lagi penduduk, Siti Haloyah Rahim, 47, berkata, dia dan suami bekerja waktu pejabat perlu menyerahkan kunci pendua kepada jiran bagi membantu mengalihkan barangan sekiranya banjir kilat.

"Kami jiran tetangga saling bantu-membantu. Kalau mahu bercuti pun akan bergilir-gilir untuk pastikan ada yang berada di rumah ketika musim



KAMAL

hujan, terutamanya November hingga Januari

"Sejak 1999 lagi rumah di sini memang selalu naik air cuma kebelakangan ini makin teruk. Harap boleh tambahkan lagi longkang parit atau sungai tanah diganti konkrit bagi melancarkan lagi air," katanya.

Kerugian ribuan ringgit

Seorang lagi penduduk,



A SURESH

Kamal Mohd Nor, 58, berkata, banjir kilat yang melanda setiap tahun menyebabkan dia sudah berhabis ribuan ringgit menggantikan peralatan yang rosak.

"Sudah tiga kali ganti perabot sebab rosak kena air. Nak pasang tembok elak air masuk pun tak boleh sebab air naik tinggi paras lutut dan pernah cecah hingga ke



SITI HALOYAH

pinggang.

"Nak letak barang tempat tinggi tak boleh juga sebab rumah sempit. Biasanya bila hujan lebat kami akan alihkan kereta dahulu tak kiralah jam dua atau tiga pagi kemudian bantu jiran-jiran mana yang patut," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat Dun Kuang, Salasiah Disa

berkata, pihaknya telah mengeluarkan peruntukan pembinaan laluan air bagi membolehkan air bertakung terus ke parit berhampiran.

"Ada tanah lapang berhampiran antara kawasan taman dengan parit kami bersihkan dan buat laluan air bagi membolehkan air terus ke parit itu sebagai penyelesaian jangka masa pendek sementara menunggu tindakan pihak berwajib MPS dan JPS serta JKR.

"Perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan dalam mesyuarat tindakan daerah namun masalah utama yang sering dibangkitkan melibatkan sempadan kawasan di mana masing-masing menuding jari antara sama lain.

"Bajet tahun depan kita harap ada peruntukan untuk kawasan ini terutamanya bagi kerja pelebaran dan pembesaran sungai serta tambahan longkang," katanya.

Katanya, pihaknya telah menyarankan laporan polis dibuat bagi mangsa terjejas bagi membolehkan permohonan di bawah tabung bencana dibuat untuk sumbangan sagu hati bagi mengurangkan beban mereka.

Antara kawasan lain terjejas adalah kampung Melayu Seri Kundang, Sungai Serai, Kampung Bunga Raya, Kampung Damai dan Kampung Cempedak.



Siti Haloyah (kanan) terpaksa meletakkan perabot di rumahnya lebih tinggi bagi memudahkan kerja pembersihan.



Keadaan Bandar Baru Kundang yang dilimpahi air dari Sungai Kundang.



#pojokonair

temubual eksklusif bersama

Riduan A. Dullah


penulis travelog "Goji Bundy"

Segmen : Dari Mata Tinta

Tarikh : 18 November 2015 (Rabu)

Masa : 3.10ptg - 3.40ptg

Frekuensi 100.9fm (Selangor Fm)





f Buku Pajok
@Buku_Pajok
@bukupajok